



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	13/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	KeTSA			

Campur tangan keterlaluan manusia tingkat risiko bencana



Olieh Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Abad ke-21 menyaksikan aneka bencana alam berlaku dengan impak perubahan iklim menyumbang kepada kejadian taufan lebih hebat, hujan lebat luar biasa serta kepanasan melampau.

Kajian Kumpulan Badan Bertindak Cuaca Dunia mendapati, ragam cuaca terbahagi berpunca perubahan iklim disebabkan manusia, yang dikaitkan dengan pelepasan gas rumah hijau.

Simulasi saintis selama beberapa dekad untuk memahami dan mendapat gambaran lebih jelas kaitan antara cuaca ekstrem dan perubahan iklim, mendapati perubahan iklim memiliki pengaruh besar terhadap cuaca ekstrem yang menyebabkan ragam bencana.

Laporan Pertubuhan Meteorologi Dunia mengenai 'Keadaan Iklim Dunia' menunjukkan purata suhu dunia 2020 adalah sekitar 1.2 darjah Celsius melebihi paras praindustri, yang 'amat hampir' dengan had 1.5 darjah Celsius yang disarankan saintis untuk membendung kesan paling buruk perubahan iklim yang dijangka berlaku antara 2021 hingga 2040.

Hakikatnya, jika kita terus tidak mempedulikan tanda amaran dan batasan ini, kita akan berdepan peningkatan pelbagai bencana alam yang akan membebaskan manusia dan ekonomi.

Perubahan iklim dan cuaca keterlaluan mengakibatkan bencana alam. Antaranya kenaikan paras laut, banjir, tanah runtuh, bakisan pantai dan tanah, kemarau, kebakaran hutan dan jerebu.

Ia juga memberi kesan ke atas keselamatan dan kesihatan manusia, mengugat ekonomi negara dan menyebabkan perubahan kepada alam semula jadi serta landskap binaan. Malah, gangguan terhadap ekosistem akan mengancam jaminan sumber air dan makanan.

Hakikatnya, kesan perubahan iklim dirasai setiap negara dan benua. Malaysia tidak terkecuali. Pada 2019, Jabatan Meteorologi Malaysia

mencatatkan 20 kawasan di Perlis, Kedah, Perak, Pahang dan Selangor berada pada tahap 'waspada' dengan suhu mencecah 37 hingga 40 darjah Celsius.

Saintis tempatan percaya perubahan cuaca sekarang disebabkan fenomena perubahan iklim, sekali gus memberi kesan ketara termasuk kejadian banjir di negara ini.

Jika dahulu, bencana alam seperti banjir, taufan dan puting beliung tidak begitu kerap berlaku. Namun dalam tempoh lima tahun kebelakangan, semua kejadian alam itu berlaku lebih kerap dan dalam tempoh masa tidak menentu, sama ada secara berpanjangan atau sementara.

Pada November 2014 contohnya, puting beliung melanda buat kali pertama di Kampung Alur Besar di Pendang, Kedah dan banjir besar kali ketiga dalam tempoh dua tahun berlaku di Kajang, Selangor menyebabkan kerugian berjuta ringgit.

Di peringkat global pada 2017, data Bank Dunia mendedahkan kejadian kemarau ekstrem memusnahkan hasil keluaran pertanian yang boleh memberi makan kepada 81 juta orang setiap hari untuk tempoh setahun bermula 2001.

Natijahnya, perubahan iklim antara punca utama konflik di seluruh dunia kerana ia membawa kekurangan makanan yang menyebabkan peningkatan harga makanan, mengancam kehidupan penduduk dan menjejaskan seluruh populasi.

Pada 2018 pula, bencana ribut, banjir, kemarau dan kebakaran hutan mendorong 108 juta orang mencari bantuan kemanusiaan antarabangsa. Diramalkan 50 peratus keperluan bantuan kemanusiaan pada 2030 akan disebabkan bencana yang berkaitan iklim.

Faktor campur tangan keterlaluan manusia melalui aktiviti pembangunan dan perlakuan tidak lestari memburukkan lagi kejadian bencana di sesuatu kawasan. Bencana alam seperti taufan, kebakaran hutan dan kemarau mengancam bekalan makanan dunia, menyebabkan jutaan manusia kehilangan tempat tinggal, selain menjejaskan kehidupan.

Malah, perubahan iklim bukan saja memberi tekanan kepada persekitaran, tetapi turut menje-

jakan sistem ekonomi, sosial dan politik.

Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres, menyatakan dalam tempoh 20 tahun terakhir, jutaan orang kehilangan nyawa mereka dalam bencana disebabkan perubahan iklim, manakala bencana seperti banjir, ribut, kemarau, tsunami dan tanah runtuh menjerumuskan 26 juta orang menjadi miskin.

Beliau berkata, dalam dua dekad terakhir, jumlah bencana berkaitan iklim hampir dua kali ganda daripada dua dekad sebelumnya, yang mempengaruhi lebih empat bilion orang.

Bencana ini meragut jutaan nyawa dan mengakibatkan kerugian ekonomi lebih AS\$2.97 trilion. Justeru, Guterres menekankan cara paling penting untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menghadkan pemanasan global sehingga 1.5 darjah Celsius.

Lebih buruk lagi, saintis menjangkakan, antara 2030 dan 2050, perubahan iklim dijangka membunuh 250,000 orang setiap tahun akibat malnutrisi dan pelbagai penyakit, selain membahayakan udara bersih, sumber air minuman dan bekalan makanan.

Semua kesan ini meningkatkan risiko terjadinya konflik, kebuluran dan kemiskinan. Hal ini membuktikan perubahan iklim bukan sekadar imaginasi, sebaliknya realiti yang tidak dapat dinafikan.

Kesan negatif perubahan iklim tidak dapat dielakkan sehingga beberapa dekad akan datang dan tindakan mitigasi diambil hanyalah bertujuan mengurangkan impak fenomena terbahagi.

Menurut laporan Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC), aktiviti perhutanan, ladang monokultur dan penerukan guna tanah menyumbang 23 peratus daripada jumlah gas rumah hijau dilepaskan kegiatan manusia.

Justeru, usaha sedang dijalankan untuk mendesak kerajaan seluruh dunia bertindak menangani perubahan iklim dengan melaksanakan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan sebagai satu tindakan mitigasi perubahan iklim yang paling berkesan dan mantap.

Langkah mitigasi lain memfokus kepada membuat persiapan dengan mendidik rakyat ke arah pembangunan dan ekonomi mesra alam, serta pengetahuan berkaitan perubahan iklim supaya bersiap siaga untuk berhadapan isu ini melalui cara praktis dalam menangani isu pemanasan bumi.

Singapura antara terkehadapan dengan perkara berkaitan menangani cabaran risiko dan kesan iklim, sudah pun berada di peringkat tertinggi kerajaan, dengan Perdana Menteri yang sendiri mengengahkan isu mengenai risiko perubahan iklim.

Di Malaysia, Dasar Iklim Negara mengenai Perubahan Iklim menekankan komitmen negara untuk menginstutuskan langkah untuk menyepadukan rentas isu dalam dasar, rancangan, program dan projek dalam usaha untuk meningkatkan daya pemulihan kepada perubahan iklim.

Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) memfokus terhadap usaha memerangi perubahan iklim dan mengurangkan risiko bencana melalui penanaman penyesuaian iklim dan mengukuhkan pengurusan risiko bencana.

Namun, dengan perkembangan semasa yang mencemaskan berkaitan perubahan iklim, negara perlu mempercepatkan usaha dalam meletakkan Pelan Tindakan Penyesuaian Negara untuk memandu perundangan, governans, perancangan dan penyelarasan langkah penyesuaian bagi berdepan kesan perubahan iklim.

Hakikatnya, jika kita terus tidak mempedulikan tanda amaran dan batasan ini, kita akan berdepan peningkatan pelbagai bencana alam yang akan membebaskan manusia dan ekonomi

